



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES



Bank Pilihan Anda

SIARAN MEDIA

BANK RAKYAT PERKUKUH KOMITMEN SEBAGAI BANK KOPERASI MENERUSI MISI DAN VISI BAHARU

KUALA LUMPUR, 30 Disember 2020 – Bank Rakyat mengukuhkan komitmen untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi anggota, pelanggan dan negara menerusi pelancaran misi dan visi Bank yang baharu pada sebuah majlis yang dianjurkan secara maya kepada pihak media hari ini.

Dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi Tuanku Jaafar, visi terbaharu Bank Rakyat kini ialah 'Bank Koperasi Islam Progresif No.1 di Malaysia' manakala misi terbaharunya ialah 'Memacu kemakmuran ekonomi anggota, pelanggan dan negara bangsa'.

Pelancaran misi dan visi baharu ini merupakan salah satu inisiatif jangka panjang Bank Rakyat bagi mengukuhkan kedudukan agar kekal relevan dengan keperluan semasa yang menuntut setiap organisasi menjadi lebih inovatif dan dinamik untuk maju ke hadapan.

Selain itu, inisiatif ini juga adalah sejajar dengan aspirasi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk menghidupkan semula sektor koperasi dan keusahawanan melalui spektrum pendigitalan, inovasi dan teknologi, yang mana amat penting bagi membantu sektor ini pulih dalam persekitaran pandemik COVID-19.

Menurut Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi, visi baharu ini adalah bertepatan dengan Bank Rakyat yang telah berkembang menjadi sebuah institusi kewangan yang disegani di Malaysia dan kekal sebagai Bank Pilihan Anda selama 66 tahun melalui keupayaannya melahirkan legasi yang tiada tandingan.

“Saya turut berpendapat bahawa misi baharu ini adalah yang terbaik dan bersesuaian dengan mandat Bank Rakyat dalam meningkatkan kesejahteraan ekonomi anggota dan pelanggannya dengan menyediakan solusi perbankan yang efektif dalam memberi nilai tambah dan impak positif kepada komuniti serta pihak berkepentingan Bank,” ujar beliau lagi.

Sementara itu, menurut Pemangku Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Haji Abdul Rani Lebai Jaafar, inisiatif ini merupakan usaha Bank dalam menyelaraskan Visi dan Misi yang lebih tepat dengan objektif pembentukan Bank Rakyat yang bermatlamat untuk meningkatkan status ekonomi serta pembangunan masyarakat serta menggerakkan sektor koperasi dan keusahawanan untuk manfaat anggota dan pelanggan.

Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi juga turut mengumumkan pelantikan Datuk Haji Abdul Rani Lebai Jaafar secara rasmi sebagai Pengerusi Bank Rakyat selama dua tahun berkuat kuasa 1 Januari 2021. Datuk Haji Abdul Rani sebelum ini dilantik sebagai Pemangku Pengerusi Bank Rakyat berkuat kuasa pada 28 Julai 2020.

-TAMAT-